

TALKING POINTS

**YAB DATO' SERI HAJI AMINUDDIN BIN HARUN
MENTERI BESAR
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

**SEMPENA
PERHIMPUNAN PENTADBIRAN DAERAH
SEREMBAN TAHUN 2019**

TEMPAT : RANTAU ECO PARK,

PADA : 01 MAC 2019 (JUMAAT)

MASA : 08.30 PAGI

**Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh
dan Salam Bersih, Muafakat, Sejahtera.**

**Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara
Majlis**

YB Dato' Dr. Razali Abdul Malik
Setiausaha Kerajaan Negeri

YB Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri

Tuan Mohd Nizam bin Tajul Arus
Pegawai Daerah Seremban
merangkap Pengerusi Penganjur
Perhimpunan Pentadbiran Daerah Seremban

**Tuan-tuan dan Puan-puan Warga Penjawat Awam
Sekalian,**

1. Terlebih dahulu, marilah kita bersama-sama memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, kerana dengan limpah kurnia serta keizinan-Nya dapat kita semua hadir dan berkumpul di pagi yang indah ini, bersempena dengan **Perhimpunan Pentadbiran Daerah Seremban 2019**. Ini merupakan Perhimpunan Pentadbiran Daerah yang kedua pada tahun ini. Pada bulan Februari yang lalu, perhimpunan seumpama ini telah diadakan di Kuala Pilah.

2. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada **YB Setiausaha Kerajaan Negeri** dan **Pegawai Daerah Seremban** serta urus setia majlis yang menganjurkan perhimpunan pada pagi ini. Terima kasih juga kerana menjemput saya untuk menyampaikan amanat kepada para penjawat awam yang berkhidmat di Daerah Seremban ini.

3. Sesungguhnya, komitmen semua agensi strategik yang turut terlibat dalam menjayakan majlis pada pagi ini serta semua pihak dalam menyokong usaha memperkasa

sistem penyampaian perkhidmatan awam dan gerak kerja Kerajaan Negeri amat saya hargai.

Sidang hadirin sekalian,

4. Hari ini saya hadir bersama-sama dengan penjawat awam di Daerah Seremban, bagi melihat sendiri perancangan-perancangan yang menjadi asas untuk dilaksana demi memajukan Daerah Seremban. Di samping itu, saya juga ingin melihat masalah-masalah berkaitan rakyat yang belum diselesaikan di sini.

5. Sebelum itu, saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah dan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua penjawat awam di Seremban yang menjayakan pelbagai program sepanjang **Sambutan Majlis Rumah Terbuka Malaysia Tahun Baru Cina Peringkat Kebangsaan** pada 17 Februari yang lalu. Saya percaya, komitmen semua pihak terutamanya para pegawai di daerah ini telah menjayakan majlis tersebut berlangsung dengan meriah dan sempurna sehingga mendapat pujian YAB Perdana Menteri. Tahniah kepada

semua.

6. Saya amat percaya dengan adanya aktiviti bertaraf nasional yang melibatkan rakyat di daerah ini, rakyat dapat merasai wujudnya penyampaian perkhidmatan awam kepada mereka. Justeru, saya meletakkan harapan yang tinggi kepada penjawat awam di daerah ini boleh membantu Kerajaan Negeri untuk meningkatkan kesejahteraan hidup rakyat di Seremban selari dengan aspirasi iaitu Memperkayakan Hasil, Memakmurkan Kekayaan.

7. Dalam konteks lain, suka saya mengingatkan bahawa Negeri Sembilan juga telah terpilih menjadi tuan rumah **Majlis Tilawah dan Menghafaz Al-Quran Peringkat Kebangsaan Tahun 1440H/2019M**. Majlis ini akan berlangsung dari **17 hingga 22 Mac 2019** ini di Dewan Majlis Perbandaran Seremban. Sama-samalah para pegawai di daerah ini menjayakan majlis tersebut seperti yang digariskan dalam tema **Menyantuni Umat, Membawa Rahmat**.

8. Sedia maklum, satu mesyuarat telah diatur antara saya dengan Ketua-ketua Jabatan Daerah Seremban pada petang ini mengenai masalah dan perancangan yang akan diketengahkan untuk masyarakat. Saya berharap dalam mesyuarat ini nanti, kita dapat sama-sama berbincang bagi menambahbaik sistem penyampaian perkhidmatan awam, memajukan Seremban dan kesejahteraan rakyat.

**Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati
sekalian,**

9. Baru-baru ini, Perdana Menteri, YAB Tun Dr.

Mahathir Mohamad telah melancarkan **Dasar Komuniti Negara**. Dasar Komuniti Negara adalah satu dasar yang digubal kerajaan **Pakatan Harapan** bagi mendaya upaya komuniti dan pendekatan kerajaan mencorak serta menggerak komuniti supaya mempunyai kesedaran dan prihatin terhadap harta benda, ruang serta kemudahan yang dikongsi bersama masyarakat setempat.

10. Daerah Seremban ini merupakan bandar utama di Negeri Sembilan. Justeru, Dasar Komuniti Negara ini merupakan pendekatan untuk membentuk komuniti yang lebih peka kepada isu sosial dalam masyarakat dan mewujudkan kehidupan lebih sejahtera terutamanya di kawasan bandar. Jika dihayati, selain memberi penekanan kepada nilai, cara hidup serta aspek sosial yang diamalkan oleh komuniti bandar dalam menjalani kehidupan seharian, dasar ini juga bertujuan menerapkan nilai-nilai murni dan peningkatan keupayaan insan bagi mencapai

kesejahteraan hidup masyarakat.

11. Berdasarkan data urbanisasi yang dikeluarkan **Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, 75.6 %** daripada jumlah populasi negara ini memberi keutamaan untuk tinggal di bandar. Sehubungan itu, usaha pembangunan dan pengukuhan komuniti di bandar sesuatu yang tidak boleh dielak, malah perlu diberi perhatian khusus oleh semua pihak. Saya percaya perkara ini wajar diberi pertimbangan bersama oleh Pentadbiran Daerah Seremban ini.

12. Menurut kajian yang dibuat melalui **Dasar Perbandaran Negara**, **77 %** penduduk Malaysia tinggal di kawasan bandar dan jumlah itu dijangka meningkat kepada **80%** atau **26 juta** orang menjelang tahun **2030**. Persoalannya, adakah Seremban dan bandar sekitarnya seperti **Nilai**, **Senawang** mahupun **Bandar Ainsdale** boleh lari daripada realiti ini?
13. Maka, saya menyeru agar semua penjawat awam di daerah ini bersedia dengan cabaran realiti apabila jumlah penduduk semakin hari semakin tinggi di

Seremban dan bandar sekitarnya. Pendek kata, cabaran urbanisasi akan datang yang perlu kita tangani adalah seperti pelupusan sisa pepejal, kesesakan lalu lintas, pencemaran udara dan persediaan jika berlaku banjir kilat termasuk juga kebersihan serta pengindahan bandar.

14. Justeru, saya mahukan seluruh penjawat awam Daerah Seremban ini sentiasa istiqamah dalam kerjaya agar pengurusan bertambah cekap, sentiasa berkongsi ilmu, telus dalam berurusan dan berakauntabiliti. Dengan ini, Bandar Seremban dapat

meningkatkan daya saing bagi menarik pelaburan dan menyumbang ke arah pertumbuhan ekonomi yang sihat setanding dengan bandar-bandar lain di negara ini.

- 15.** Saya bagi pihak Kerajaan Negeri sentiasa optimis tentang pengisytiharan Seremban sebagai bandar raya. Insya-Allah, Seremban akan diisytiharkan sebagai bandar raya. Namun begitu, sebagaimana yang saya pernah katakan dahulu, kita tidak perlu gopoh kerana ada beberapa perkara yang memerlukan perhatian kita bersama seperti infrastruktur, pentadbiran dan sebagainya.

Sama-samalah kita meneliti masalah yang ada dan berusaha merealisasikannya bandar raya impian rakyat negeri ini. **Jangan esok, rumah sudah siap, pahat baru berbunyi.**

16. Akhir kata, sekali saya merakamkan penghargaan dan terima kasih atas jemputan untuk saya hadir pada hari ini. Saya juga mengucapkan syabas dan tahniah kepada warga penganjur atas usaha dan komitmen tinggi yang dipamerkan dalam menjayakan majlis ini. Semoga kerjasama yang terjalin ini dapat diteruskan dan dieratkan lagi dalam usaha memacu pembangunan negeri serta

mewujudkan persekitaran hidup yang berkualiti dan mampan selaras pegangan kata kunci •Bersih •Muafakat •Sejahtera.

17. Maka, dengan lafaz Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh saya akhiri ucapan saya pada pagi ini.

Sekian, terima kasih.

Salam Bersih, Muafakat, Sejahtera